View metadata, citation and similar papers at core.ac.uk
brought to you by CORE
provided by UTHM Institutional Repository

# PEMBANGUNAN KEMAHIRAN KERJA BEPASUKAN MENERUSI KOKURIKULUM SUKAN BOLA SEPAK DALAM KALANGAN PELAJAR UTHM.

RAWIYAH BINTI ABDUL HAMID

Laporan projek ini dikemukakan sebagai memenuhi
sebahagian daripada syarat penganugerahan
Ijazah Sarjana Pendidikan Teknikal dan Vokasional

Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

JULAI 2012

# ABSTRAK

Penglibatan kokurikulum semakin penting dalam proses pembelajaran dan pengajaran sama ada di peringkat sekolah atau institusi pengajian tinggi (IPT). Penglibatan kokurikulum boleh mewujudkan kemahiran insaniah dalam kalangan pelajar. Majikan masa kini lebih mementingkan kemahiran insaniah yang tinggi dalam terhadap bakal pekerjanya. Kemahiran berpasukan merupakan salah satu elemen Kemahiran insaniah. Kajian ini dilakukan adalah untuk mengenal pasti penerapan, kesedaran dan penguasaan terhadap kemahiran kerja berpasukan menerusi kokurikulum bola sepak di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM). Reka bentuk kajian yang telah dipilih oleh penyelidik adalah berbentuk kajian kes. Dalam kajian kes ini, penyelidik memfokuskan sekumpulan pelajar iaitu pelajar yang melibatkan diri dalam kokurikulum bola sepak di UTHM sebagai sampel kajian. Penyelidik memilih kajian kes sebagai rekabentuk kajian kerana melalui kajian kes, maklumat yang diperoleh amat teliti dan mendalam dapat dikumpul untuk menjawab persoalan kajian. Instrumen yang digunakan adalah borang soal selidik, temubual, pemerhatian dan analisis dokumen di mana ia digunakan untuk mengumpul data mengenai penerapan, kesedaran dan penguasaan kemahiran kerja berpasukan dalam kalangan responden. Jumlah populasi yang terlibat adalah seramai 33 orang pelajar yang melibatkan diri dalam kokurikulum sukan bola sepak di UTHM. Penyelidik menggunakan semua populasi sebagai sampel kajian. Hasil soal selidik telah dianalisis dengan menggunakan perisian *komputer Statistical Package For Social Science (SPSS) Version 17*. Hasil kajian ini mendapati bahawa terdapat pembangunan dalam kemahiran kerja berpasukan dalam kokurikulum bola sepak. Kajian ini mencadangkan agar jurulatih atau pensyarah kursus menjadi *role models* yang dapat menerapkan kemahiran kerja berpasukan yang berterusan supaya dapat menjadi ikutan pelajar.

**Keywords:** Kokurikulum, Kemahiran Insaniah (*soft skill*), Kemahiran Berpasukan.

## *ABSTRACT.*

*Co-curiculum activities has become an important aspect in the teaching and learning process both at school and tertiary level. Students' involvement in co-curriculum activities can help to nurture the soft skill among them. The purpose of this study is to identify the infusion, awareness and acquisition of teamwork skills through football game during co-curriculum activities in University Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM). The study aims to find out if teamwork skills amongst football players during co-curriculum activities contribute to development of excellence human capital to meet the demands of their future employees. The research design employed for this study is case study. The sample which consists of whole population are 33 UTHM students who are involved in football game for co-curriculum activities. The instruments employed are questionnaire, interview, observation and document analysis. The data collected focus on infusion, awareness and acquisition of teamwork skills amongst the respondents. The questionnaire was analyzed using The Statistical Package for Social Science (SPSS) software Version 17.0. The findings showed that there is development, awareness and mastering the skills of teamwork in soccer co-curriculum. This study suggests that instructors or lecturers have become role models who can implement continuous teamwork skills that can be followed by students.*

**Keywords:** *Co-curriculum, soft skill and teamwork skills.*

# KANDUNGAN


| | | |
|---|---|---|
| | **TAJUK** | **i** |
| | **PENGAKUAN** | **ii** |
| | **DEDIKASI** | **iii** |
| | **PENGHARGAAN** | **iv** |
| | **ABSTRAK** | **v** |
| | ***ABSTRACT*** | **vi** |
| | **KANDUNGAN** | **vii** |
| | **SENARAI JADUAL** | **xi** |
| | **SENARAI RAJAH** | **xiii** |
| | **SENARAI SINGKATAN** | **xiv** |
| | **SENARAI LAMPIRAN** | **xv** |
| **BAB 1** | **PENGENALAN** | **1** |
| | 1.1 Pengenalan | 1 |
| | 1.2 Latar belakang masalah | 4 |
| | 1.3 Pernyataan masalah | 9 |
| | 1.4 Tujuan kajian | 8 |
| | 1.5 Objektif kajian | 10 |
| | 1.6 Persoalan kajian | 10 |
| | 1.7 Kepentingankajian | 10 |
| | 1.8 Skop kajian | 11 |
| | 1.9 Batasan kajian | 12 |
| | 1.10 Definisi istilah | 13 |
| | 1.11 Kerangka konsep | 15 |
| | 1.12 Kerangka teori | 16 |
| | 1.13 Rumusan | 17 |

| | | | |
|---|---|---|---|
| **BAB 2** | **KAJIAN LITERATUR** | | **18** |
| | 2.1 | Pengenalan | 18 |
| | 2.2 | Kokurikulum | 18 |
| | | 2.2.1 Kepentingan kokurikulum | 19 |
| | | 2.2.2 Matlamat dan implikasi kokurikulum terhadap pelajar | 21 |
| | | 2.2.3 Sukan bola sepak | 23 |
| | 2.3 | Kemahiran kerja berpasukan | 27 |
| | | 2.3.1 Kepentingan kemahiran kerja berpasukan | 30 |
| | | 2.3.2 Isu kemahiran kerja berpasukan menerusi kokurikulum bola sepak | 31 |
| | 2.4 | Rumusan | 36 |
| **BAB 3** | **METODOLOGI** | | **35** |
| | 3.1 | Pengenalan | 35 |
| | 3.2 | Reka bentuk kajian | 35 |
| | 3.3 | Lokasi kajian | 37 |
| | 3.4 | Populasi dan sampel | 37 |
| | 3.5 | Instrumen kajian | 38 |
| | | 3.5.1 Kaedah analisis dokumen | 39 |
| | | 3.5.2 Pemerhatian | 40 |
| | | 3.5.3 Temubual | 40 |
| | | 3.5.4 Soal selidik | 42 |
| | 3.6 | Kerangka operasi | 46 |
| | 3.7 | Kesahan instrumen | 48 |
| | 3.8 | Pemboleh ubah | 52 |
| | 3.9 | Kajian rintis | 53 |
| | 3.10 | Analisis kajian | 54 |
| | | 3.10.1 Analisis dokumen | 55 |
| | | 3.10.2 Analisis pemerhatian | 55 |
| | | 3.10.3 Analisis temubual | 57 |
| | | 3.10.4 Analisis soal selidik | 58 |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | 3.11 | Jangkaan dapatan | 53 |
| | 3.12 | Rumusan | 59 |
| **BAB 4** | **ANALISIS DATA** | | **60** |
| | 4.1 | Pengenalan | 60 |
| | 4.2 | Kebolehkepercayaan | 60 |
| | 4.3 | Demografi | 61 |
| | 4.4 | Maklumat diri responden | 62 |
| | 4.5 | Dapatan kajian | 64 |
| | | 4.5.1 Penerapan elemen kemahiran kerja berpasukan menerusi KSBS dalam kalangan pelajar di UTHM | 65 |
| | | 4.5.2 Kesedaran pelajar terhadap elemen kemahiran kerja berpasukan menerusi KSBS dalam kalangan pelajar di UTHM | 80 |
| | | 4.5.3 Penguasaan pelajar terhadap elemen kemahiran kerja berpasukan menerusi KSBS dalam kalangan pelajar di UTHM | 90 |
| | 4.6 | Kesimpulan. | 100 |
| **BAB 5** | **PERBINCANGAN, RUMUSAN DAN CADANGAN** | | **101** |
| | 5.1 | Pengenalan | 101 |
| | 5.2 | Perbincangan dapatan kajian | 101 |
| | | 5.2.1 Penerapam kemahiran kerja berpasukan menerusi kokurikulum sukan bola sepak dalam kalangan pelajar di UTHM | 102 |
| | | 5.2.2 Kesedaran pelajar terhadap kemahiran kerja berpasukan menerusi kokurikulum bola sepak di UTHM | 106 |
| | | 5.2.3 Penguasaan pelajar terhadap kemahiran kerja berpasukan menerusi kokurikulum bola sepak di UTHM | 110 |
| | 5.3 | Kesimpulan | 114 |
| | 5.4 | Cadangan | 114 |
| | | 5.4.1 Cadangan kepada institusi (UTHM) | 115 |
| | | 5.4.2 Cadangan kepada pelajar, ibu bapa | |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | dan masyarakat | 115 |
| | 5.4.3 | Cadangan kepada pensyarah/jurulatih | 116 |
| | 5.4.4 | Cadangan kepada industri | 117 |
| 5.5 | Cadangan lanjutan | | 117 |
| 5.6 | Penutup. | | 118 |

**RUJUKAN** **120**

**LAMPIRAN** **128**

# BAB 1

# PENDAHULUAN

## 1.1 Pengenalan

Pada zaman era globalisasi, pencapaian akademik sahaja tidak mencukupi bagi para graduan untuk diterima terus ke pasaran pekerjaan kerana ekspektasi majikan dan cabaran pekerjaan yang semakin meningkat. (Everson & Millsap, 2005 dan Robinson, 2000). Wilson (2009) menjelaskan bahawa graduan perlulah memiliki bukan sahaja kelayakan akademik tetapi kebolehan dan kemahiran yang memberikan nilai tambah yang mampu menarik minat majikan. Manakala (Said, 2006) menjelaskan bahawa kokurikulum di Institusi Pengajian Tinggi (IPT) telah menjadi sebahagian daripada sistem pendidikan di Malaysia ketika ini. Hal ini telah menjadi satu kegiatan yang diwajibkan kepada setiap pelajar. Aktiviti kokurikulum dianggap penting sebagai alat untuk memenuhi hasrat unggul dasar pendidikan kebangsaan, iaitu perpaduan dalam kalangan pelajar yang terdiri daripada berbilang kaum (West, 2004 dan Jaafar & Yusof, 2002).

Fincher & Shalka (2009) merumuskan bahawa kegagalan siswazah mendapat kerja disebabkan mereka tidak memiliki Kemahiran Insaniah (KI) yang diperlukan oleh majikan. Oleh itu, berdasarkan rumusan daripada dialog di antara Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) dengan majikan di negara ini dapat dilihat bahawa graduan universiti tidak diambil kerja kerana tidak memiliki KI (Bernama, 2007) seterusnya menurut Mustapha Mohamed, kebolehpasaran setiap graduan dinilai dalam pelbagai aspek iaitu kemahiran berpasukan di samping mempunyai beberapa kemahiran lain seperti berkomunikasi secara berkesan. Selain pencapaian akademik yang cemerlang, mereka perlu mempunyai KI seperti kemahiran kerja berpasukan, sebenarnya pihak majikan lebih cenderung mencari bakal pekerja yang memiliki pelbagai kemahiran tanpa perlu memberi latihan dalam perkhidmatan di samping dapat menjimatkan

masa dan kos (Hassan, Ahmad & Bahari, 2008; Cox & King, 2006 dan Knight & Yorke 2003).

Parker (2002) berpendapat bahawa kecekapan kerja berpasukan (*team-working*) mendapat tempat yang tertinggi jika dibandingkan dengan bekerja secara sendirian. Ini kerana boleh mewujudkan kesepakatan bersama untuk mencapai matlamat yang wujud dalam diri ahli pasukan di samping perhubungan yang erat sesama pasukan yang boleh menghasilkan sesuatu output yang berkualiti dan juga peningkatan kesihatan dari segi psikologi (Johnson & Johnson, 2005 dan Ancona & Bresman, 2007). Manakala Pool & Sewel (2007) menyatakan pasukan kerja adalah gabungan sebilangan individu yang mempunyai kompentasi yang saling bergantungsama ada dari segi keupayaan, kepakaran, kemahiran dan pengetahuan. Mereka masing-masing mempunya akauntibiliti dan komitmen terhadap prestasi pasukan serta bersedia melaksanakan tugas yang mencabar. Pasukan mempunyai komitmen yang tinggi terhadap pencapaian kerana disokong oleh factor kesanggupan, kebermaknaan, autonomi dan kesan. Kesanggupan pasukan menunjukan darjah kesedan ahli dapat melihat pasukan kerja berupaya memberikan sumbangan yang lebih berkesan dalam melaksanakan tugas mereka. Oleh itu, setiap ahli dalam pasukan kerja perlu bertindak sebagai penghubung dan berinteraksi secara berterusan untuk berkongsi maklumat, keputusan cabaran dan hasil dalam menjalankan tugas dalam ruang sempadan tabggungjawab yang telah ditetapkan. (Duarte & Nancy Tennant Snyder, 2006; Coleman & Voronov, 2005; DuFrene & Lehman, 2005 dan Yusof, 2004).

Goetsh (2004) menyatakan bahawa kerja berpasukan kini menjadi satu cara bekerja yang popular di kebanyakan organisasi kerana kemahiran berpasukan boleh mempengaruhi kejayaan sesebuah organisasi. Perubahan struktur, budaya dan proses kerja dalam organisasi yang pantas berubah semakin mendesak organisasi supaya mementingkan kerja berpasukan . Salah satu elemen dalam KI ialah menekankan elemen kerja berpasukan. Elemen ini adalah dibimbing untuk mengetahui cara untuk bekerjasama dengan orang lain daripada pelbagai latar belakang sosiobudaya untuk mencapai matlamat yang sama. (Partridge, 2007; Kamsah & Yusof, 2005; Yusof, 2003 dan Jones & Schiling, 2000)

Wheelan (2010) menjelaskan kemahiran kerja berpasukan yang ditekankan kepada pelajar termasuk kebolehan membina hubungan baik dan berinteraksi dengan orang lain di samping mampu bekerja secara efektif bersama mereka untuk mencapai

objektif yang sama. Selain itu, pelajar dibimbing dalam mengambil peranan bersilih ganti antara ketua kumpulan dan ahli kumpulan, dan kebolehan mengenali dan menghormati sikap, kelakuan dan kepercayaan rakan lain terhadap pelajar KPT. Kerja berpasukan perlu diamalkan oleh pelajar supaya lebih mudah untuk menyelesaikan sesuatu masalah berkaitan bidang tugas yang diamanahkan kelak (Shakir, 2009 dan Engestrom (2008). Berdasarkan Modul Pembangunan Kemahiran Insaniah untuk IPT (2006) menunjukkan bahawa kemahiran kerja berpasukan (*Team Skills*) melibatkan kebolehan untuk bekerjasama dengan orang lain daripada pelbagai latar belakang sosiobudaya untuk mencapai matlamat yang sama.

Kerja berpasukan dapat dilihat antara ahli pasukan yang berinteraksi rapat dengan ketua pasukan, masing-masing berkongsi pendapat dalam membuat sesuatu keputusan kerana masing-masing bersetuju dan bertanggungjawab dalam sesuatu keputusan dan mengejar matlamat yang sama Contohnya pemain bola sepak diharapkan dapat mengawal keadaan pemain-pemainnya semasa dalam perlawanan atau ketika berada di luar padang sekalipun. (Dora, Kudus &Hassan, 2008; Tenbrunsel, 2006 dan West, Tjosvold & Smith, 2003) .

Bahari (2002) menekankan bahawa kemahiran kerja berpasukan perlu diterapkan kepada pelajar sebagai modal insan yang bakal memacu kemajuan negara di samping merealisasikan hasrat melahirkan generasi yang cemerlang, institusi-institusi perlulah berusaha menerapkan kemahiran kerja berpasukan dalam kokurikulum contohnya pembangunan kemahiran kerja berpasukan menerusi kokurikulum sukan bola sepak. Semangat kerja berpasukan seharusnya dimiliki oleh setiap ahli untuk mengajar atau mencapai matlamat yang satu iaitu menjaringkan gol. Suntikan semangat dan rangsangan untuk mereka bersama dan saling menghormati antara satu sama lain boleh mewujudkan elemen kemahiran berpasukan, pasukan ini perlu memiliki perasaan kekitaan yang tinggi. Elemen ‘aku’ di kurangkan, manakala elemen ‘kita’ perlulah diperbanyakkan (Kamzah & Yusof, 2005 dan West, 2004)

Parker (2002) berpendapat bahawa pembangunan kemahiran kerja berpasukan dalam diri individu adalah bermula dari tempat latihan hingga ke perlawanan sebenar. Secara mudahnya, kerja berpasukan merujuk kepada sekumpulan pekerja dalam organisasi yang menjalankan tugas secara berganding bahu antara satu sama lain dan sama-sama bergabung bagi mencapai matlamat kumpulan. Ahli-ahli pasukan akan berinteraksi rapat, berkongsi maklumat membuat keputusan dan memikul tanggungjawab (Eisher, 2010; Sidal, 2004 dan Bommer,

2002). Manakala Abdullah (2008) menyatakan bahawa di sinilah lahirnya generasi yang mempunyai tiket untuk masa depan dan paradigma yang sepatutnya digunakan ialah memberikan penekanan seimbang terhadap kedua-dua komponen akademik dan kokurikulum dalam sistem pendidikan kita hari ini.

Wilson (2009) berpendapat bahawa kokurikulum merupakan suatu pelengkap kepada kehendak dan keperluan kurikulum dalam menyediakan pelbagai peluang kepada pelajar untuk menambah, mengukur dan mengamalkan kemahiran, pengetahuan dan nilai-nilai yang telah dipelajarinya. Pemerkasaan kokurikulum dalam sistem pengajian di IPT perlu di beri penekanan sewajarnya. Langkah ini sejajar dengan dasar Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) yang menerima pencapaian kokurikulum seseorang pelajar semasa di sekolah menengah. (Rubin, & Baldwin, 2002 dan Omar Fauzee, Yusof & Yusof, 2002). Aktiviti kokurikulum dapat membentuk dan mendidik serta menjanakan mahasiswa dan warganegara yang berilmu, berketrampilan serta holistik yang mementingkan gaya hidup yang aktif (KPT, 2006 dan Avery, Walker & Murphy, 2001).

Georges (2012) menyatakan kokurikulum mestilah dilihat dengan paradigma bahawa ia mempunyai kepentingan seimbang dengan akademik. Kokurikulum mesti dilihat sebagai pelengkap kepada akademik. dan sebagai sebahagian daripada cara hidup. Justeru itu, kokurikulum mestilah diberi ruang lebih luas dari sekolah rendah hinggalah ke universiti. (Rasul & Mustapha, 2009 dan Buntat 2006).

## 1.2 Latar Belakang Masalah.

Bukanlah mudah untuk kita berdepan dengan dunia pekerjaan yang kian mencabar, rumit dan kompleks keperluannya. Dengan memiliki sekeping sijil, diploma atau ijazah belum pasti seseorang itu meraih pekerjaan yang sempurna ataupun dapat melaksanakan tanggungjawabnya dengan baik (Schulz, 2008 dan Imran Idris, 2005). Di samping kelayakan akademik, seseorang itu memiliki keterampilan yang baik, mempunyai pelbagai kemahiran seperti kemahiran kerja berpasukan dan pengalaman seperti kemahiran berkumpulan oleh seseorang sebelum menyertai dunia pekerjaan yang mencabar seperti seorang pendidik.

Cabaran dalam pasaran kerja dan kebolehkerjaan menjadi suatu isu yang seolah-olah tiada penghujungnya. Pasaran kerja pada zaman moden ini lebih bersifat dinamik lantaran kemajuan teknologi tinggi dan kepelbagaian keperluan oleh

majikan. Keadaan ini menimbulkan pelbagai isu seperti pengangguran dan tawaran pekerjaan yang tidak setara dengan kursus pengajian.

Menurut Kementerian Pelajaran Malaysia (2011), laporan Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMK10) pada masa kini, hanya 23% sahaja daripada jumlah tenaga kerja di Malaysia mempunyai pendidikan tertiari berbanding dengan kadar purata bagi negara Pertubuhan Kerjasama Ekonomi dan Pembangunan (OECD), iaitu hampir 28% dan mencecah 35% di Singapura dan Finland. Pada tahun 2009, sebanyak 27% daripada siswazah institusi pengajian tinggi tempatan masih menganggur dalam tempoh enam bulan selepas menamatkan pengajian. Bagi yang berjaya mendapat pekerjaan pula, 29% daripada mereka pada tahun 2006 dan 33% pada tahun 2009 hanya memperoleh pendapatan kurang daripada RM1,500 sebulan. Majikan dan persatuan industri sering mengaitkan kekurangan *soft skills* seperti etika kerja yang positif, kemahiran berkomunikasi, kerja berpasukan dan kebolehan membuat keputusan serta kepimpinan sebagai faktor utama yang menjejaskan kebolehpasaran siswazah Malaysia (Nordin & Mohd. Tahir ,2004 ). Memandangkan terdapat jurang yang besar antara elemen kompetensi siswazah Malaysia dengan piawaian antarabangsa, isu ini perlu ditangani bagi memastikan negara mempunyai siswazah yang berkemahiran, serba boleh dan kebolehpasaran yang tinggi.

Dalam kursus kokurikulum di UTHM, penuntut akan dinilai dengan rapi dalam tiga aspek utama iaitu kemahiran bidang, kerja kursus dan KI. Kemahiran Bidang adalah kemahiran yang ditunjukkan oleh penuntut dalam aktiviti psikomotor seperti tarian, bola sepak, kawad kaki, pengucapan dan sebagainya bergantung kepada kursus yang mereka ikuti. Kerja kursus adalah penilaian yang dibuat terhadap penuntut sepanjang satu semester seperti kuiz, ujian, lawatan, penganjuran aktiviti, kesungguhan, penglibatan dan sebagainya sementara KI pula adalah lebih kepada nilai-nilai efektif yang diterapkan ke dalam jiwa mereka. Terdapat tujuh bentuk KI yang perlu diterapkan kepada penuntut iaitu kemahiran kepimpinan, kerja berpasukan, keusahawanan, pemikiran kritis dan penyelesaian masalah, komunikasi, pembelajaran sepanjang hayat serta etika dan moral (Khalid, komunikasi peribadi, April 06, 2012) manakala, Badusah *et al* (2010) dan Cola (2009) merumuskan bahawa mahasiswa telah diingatkan agar aktif dalam persatuan agar mempunyai KI atau *Soft Skill* yang tinggi sesuai dengan kehendak pasaran bekerja, contohnya jika seseorang penuntut yang handal dalam bola sepak seperti mewakili negeri atau negara dan mengambil kursus bola sepak dalam teras sukan, tidak semestinya

mendapat A jika tidak menunjukkan KI yang tinggi semasa melibatkan diri dalam aktiviti seperti lawatan, penganjuran dan perbincangan.

Puteh (2006) menjelaskan bahawa kokurikulum di UTHM terbahagi kepada dua iaitu kokurikulum akademik iaitu kursus kokurikulum berkredit dan kokurikulum bebas. Sebenarnya, bidang kokurikulum di UTHM mementingkan pembangunan KI di samping memberikan pengalaman yang tidak diperoleh dalam bilik kuliah kepada semua pelajar. Dalam kokurikulum UTHM, penekanan KI diberikan sebanyak 70 %. Dari segi kemahiran kerja berpasukan penting untuk melahirkan pelajar yang boleh bekerja dalam berpasukan, dari tahun pertama dan tahun akhir pelajar telah dilatih untuk bekerja dalam satu pasukan. Kemahiran kerja berpasukan dalam kokurikulum adalah untuk mengukur bagaimana untuk mengendalikan kerja secara berkumpulan. Contohnya di UTHM, kalau bermain bola sepak pelajar tidak boleh bergerak sendiri, berdiri sendiri, mereka tidak boleh bermain bola sepak secara sendiri. UTHM telah mengajar atau melatih pelajar bekerja secara berpasukan, tetapi mestilah di UTHM iaitu dengan 28 jam kredit pertemuan. UTHM berharap pelajar dapat menerapkan KI dengan harapan pelajar boleh berubah dalam 28 jam pertemuan dapat dididik, contohnya dalam pihak KPT, dalam sesi temu bual pelajar dipanggil temu bual panel perhatikan dalam *cctv* dalam satu jam, panel akan mengawasi dari jauh dan kali kedua panel bagi tugasan dan panel memantau melalui *cctv* dalam ramai-ramai, cuma seorang sahaja yang dipilih. (Alwi, Komunikasi peribadi, May 18, 2012)

Sistem baru telah diperkenalkan dan telah dinilai iaitu 70 % dan KI 30% Kemahiran bidang. Pelajar melakukan kerja manakala tugas pensyarah pula untuk memantau. Pelajar ditingkatkan secara menyeluruh supaya dapat membantu pelajar mempertingkatkan KI. Dari segi kemahiran berpasukan mempunyai beberapa isu iaitu pelajar dicampur dari semua kursus. Masalah yang timbul bagi projek pula ialah mereka tidak bersefahaman pada mulanya contohnya pertandingan bola sepak, penilai boleh melihat pembahagian tugas semasa melaksanakan sesuatu projek. Sekiranya timbul masalah ini bermakna kemahiran berpasukan mereka kurang dan sekiranya masalah ini berpanjang mereka akan merujuk ke pusat kokurikulum (Alwi, Komunikasi peribadi, May 18, 2012) manakala Ibrahim *et al* (2010) menyatakan bahawa antara objektif pelaksanaan kokurikulum adalah untuk memberi peluang kepada pelajar melatih diri dari sudut pengimbangan dan penyempurnaan aspek perkembangan diri dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelek kokurikulum.

Berdasarkan Pendidikan Teknikal dan Vokasional (PTV) melalui salah satu objektif pendidikan ialah menghasilkan rakyat yang berkemahiran dan mempunyai taraf pendidikan yang sesuai. Pertumbuhan berkemahiran, kemahiran teknikal, menyepak dan menjaringkan gol adalah kemahiran bidang wujud dalam kokurikulum bola sepak. Di UTHM adalah untuk melatih pelajar. Pelajar akan bermain bola sebaik mungkin supaya kerjasama dalam padang boleh dicapai atau sebaliknya. Mungkin di padang memang nampak pelajar mengaplikasi tetapi sebaliknya di luar padang pelajar tidak mengaplikasikannya contohnya di stesen bas. Elemen prihatin boleh berkhidmat dengan baik adalah amat bagus dalam kalangan pelajar UTHM. Matlamat pensyarah untuk pelajar kokurikulum adalah untuk menerapkan KI. Dalam subjek kokurikulum  supaya pelajar selalu beri komitmen terhadap pasukannya. Dari segi penilaian, jurulatih kursus pasti akan menilai elemen-elemen KI (Idris, komunikasi peribadi, May 14, 2012). Menerusi bola sepak, pengurus dan ketua pasukan adalah dua individu yang berbeza. Tidak mungkin kelab atau pasukan bola sepak itu memiliki seorang individu yang memegang kedua-dua peranan sebagai pengurus dan ketua pasukan pada masa yang sama. Pengurus pasukan adalah pengurus dan kapten adalah ketua pasukan. Peranan mereka adalah jelas dan nyata. Garis-garis yang memisahkan dua ‘pekerjaan’ ini juga dapat dilihat dengan mata kasar, inilah sebenarnya yang ingin kita ambil iktibar supaya diterapkan dalam menjalankan tugasan kita (Dyer & Dyer; Diamond, 2007 dan Singh & Othman, 2006.

Levi (2011) menyatakan bahawa para majikan meletakkan kemahiran kerja berpasukan sebagai antara kemahiran penting yang perlu dikuasai oleh bakal pekerja mereka. Manakala, Schoonhoven & Woolley (2005) berpendapat dalam sesebuah organisasi masa kini mula memberikan perhatian pada kerja-kerja yang dapat dilakukan secara berpasukan untuk bersaing di pasaran global. Namun begitu, Badaruddin *et al* (2006) menjelaskan bahawa kelemahan graduan dalam menguasai KI khususnya kemahiran kerja berpasukan menyebabkan mereka sukar untuk mendapat pekerjaan dan kurang berdaya saing di peringkat global. Kegiatan kokurikulum pula dapat menyediakan peluang kepada para pelajar untuk menguasai KI, khususnya kemahiran berpasukan. Oleh itu, di UTHM penyertaan pelajar dalam kokurikulum perlulah di beri galakan supaya pelajar dapat menimba ilmu, seterusnya mampu melatih diri dalam aspek-aspek KI khususnya kemahiran kerja berpasukan.

## 1.3 Penyataan Masalah.

Aktiviti kokurikulum yang diadakan di institusi-institusi pengajian adalah bertujuan untuk memberi pengalaman dan membantu pelajar dalam mencapai kehidupan yang sempurna disamping mencapai tujuan Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) dalam usaha melahirkan pelajar pelajar yang seimbang dalam aspek rohani, jasmani dan intelek dan emosi (JERI). Sebaliknya, terdapat banyak masalah atau perkara negatif pula dalam penglibatan kokurikulum iaitu seperti sikap pelajar yang ego, disiplin yang kurang, tiada komitmen, tiada minat, penjanaan idea lemah dan tiada ketepatan masa dan tidak mahu mendengar pandangan atau idea rakan sepasukan. Kurangnya graduan mendapat tempat di alam pekerjaan adalah bermulanya dari kelemahan praktikal pelajar iaitu seperti penglibatan pelajar dalam kemahiran kerja berpasukan menerusi kokurikulum sukan bola sepak. Sebenarnya kokurikulum sukan bola sepak ini adalah untuk memupuk dan membentuk kemahiran kerja berpasukan yang tinggi iaitu untuk melihat mereka bekerjasama dengan rakan sepasukan. Justeru itu, kajian ini dilakukan adalah untuk mengenalpasti penerapan, kesedaran dan penguasaan terhadap kemahiran kerja berpasukan menerusi kokurikulum bola sepak di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) sama ada mempunyai kepentingan dan kemahiran yang akan membantu pelajar disamping melahirkan modal insan yang cemerlang, dan juga memenuhi kelayakan yang diperlukan oleh majikan kelak.

## 1.4 Tujuan Kajian.

Kajian ini dilaksanakan adalah untuk mengenal pasti sama ada penerapan, kesedaran dan penguasaan kemahiran kerja berpasukan yang di amalkan oleh individu pelajar menerusi kokurikulum sukan bola sepak dalam kalangan pelajar UTHM dikuasai ataupun sebaliknya.

## 1.5 Objektif Kajian.

Kajian ini adalah berdasarkan kepada beberapa objektif seperti berikut:

i Mengenal pasti penerapan kemahiran kerja berpasukan menerusi kokurikulum sukan bola sepak dalam kalangan pelajar di UTHM.

ii Mengenal pasti kesedaran pelajar terhadap kemahiran kerja berpasukan menerusi kokurikulum bola sepak di UTHM.

iii Mengenal pasti penguasaan pelajar terhadap kemahiran kerja berpasukan menerusi kokurikulum bola sepak dalam di UTHM.

## 1.6 Persoalan Kajian

Persoalan yang diutarakan dalam menjalankan kajian ini adalah seperti berikut:

i. Adakah terdapat penerapan kemahiran kerja berpasukan menerusi kokurikulum sukan bola sepak dalam kalangan pelajar di UTHM?
ii. Bagaimanakah kesedaran pelajar terhadap kemahiran kerja berpasukan menerusi kokurikulum bola sepak di UTHM?
iii. Bagaimanakah penguasaan pelajar terhadap kemahiran kerja berpasukan menerusi kokurikulum bola sepak dalam di UTHM?

## 1.7 Kepentingan Kajian.

Pelaksanaan pendekatan baru kemahiran kerja berpasukan menerusi kemahiran kerja berpasukan adalah untuk mengubah peranan individu pelajar melalui aktiviti kokurikulum iaitu sukan bola sepak. Melalui semangat kerja berpasukan ini adalah untuk melihat sejauh manakah pembangunan kemahiran semangat kerja berpasukan diamalkan oleh pelajar tersebut. Matlamat pendidikan adalah dicapai dengan wujudnya pertalian erat antara kokurikulum dengan semangat kerja berpasukan melalui sukan bola sepak dimana untuk melihat pelajar tersebut menerapkan ciri-ciri yang ada dalam kerja berpasukan, pelaksanaan kokurikulum ini adalah satu paradigma baru untuk dalam pendidikan di samping untuk masa depan pelajar tersebut kerana majikan pada masa kini amat mementingkan ciri-ciri tersebut. Hasil daripada kajian ini juga diharapkan dapat memberi manfaat kepada:

a IPT.

Kajian ini secara langsung membantu memberi idea kepada IPT supaya dapat memberi gambaran bahawa pentingnya penglibatan pelajar dalam kokurikulum kepada pelajar kerana dapat membangunkan KI kepada pelajar terutamanya kemahiran berpasukan yang dikuasai oleh pelajar. Selain itu,

dapat memberi gambaran tentang kemahiran kerja berpasukan menerusi kokurikulum sukan sepak yang dikuasai oleh pelajar mereka sekaligus dapat menguasai KI terutamanya kemahiran kerja berpasukan iaitu dari segi pembinaan idea, berkongsi pendapat, tanggungjawap dan amanah.

b. UTHM

Kajian ini secara langsung membantu memberi idea kepada UTHM supaya dapat gambaran kepada UTHM tentang KI terutamanya kemahiran berpasukan yang dikuasai oleh pelajar yang melibatkan diri dalam kokurikulum. Selain itu, dapat memberi gambaran tentang kemahiran kerja berpasukan menerusi kokurikulum sukan sepak yang dikuasai oleh pelajar mereka sekaligus dapat menguasai KI terutamanya kemahiran kerja berpasukan iaitu dari segi pembinaan idea, berkongsi pendapat, tanggungjawap dan amanah.

c. Pelajar, Ibu Bapa dan Masyarakat

Memberikan gambaran kepada pelajar, Ibu Bapa dan Masyarakat tentang kepentingan kemahirn kerja berpasukan. Memberi gambaran kepada pelajar, IBu Bapa dan Masyarakat bahawa kecermelangan dalam akademik sahaja tidak menjanjikan peluang pekerjaan setelah tamat pengajian. Mereka perlu menyeimbangkan dengan KI iaitu salah satunya kemahiran kerja berpasukan.

## 1.8 Skop Kajian

Skop kajian adalah bertujuan untuk membentangkan dapatan yang cuba meninjau pembangunan kemahiran kerja berpasukan menerusi penglibatan pelajar dalam kokurikulum sukan bola sepak di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM). Secara ringkasnya kajian ini difokuskan kepada :

a) Lokasi

Penyelidik meninjau amalan atau aktiviti penerapan, kesedaran dan penguasaan kemahiran kerja berpasukan menerusi kokurikulum bola sepak dalam UTHM iaitu seperti di padang bola sepak.

b) Responden

Penyelidik mengenal pasti penerapan, kesedaran dan penguasaan terhadap pelajar sarjana muda yang mengambil matapelajaran kokurikulum bola sepak berkredit.

c) Elemen-elemen Kemahiran berpasukan

Penyelidik menfokuskan lima elemen kemahiran kerja berpasukan iaitu :

i. Kebolehan untuk membina hubungan yang baik, berinteraksi dengan orang lain dan bekerja secara efektif bersama mereka untuk mencapai objektif yang sama.

ii. Kebolehan untuk memahami dan mengambil bahagian peranan bersilih ganti antara ketua kumpulan dan ahli kumpulan.

iii Kebolehan untuk mengenal dan menghormati sikap, kelakuan dan kepercayaan orang lain.

iv Kebolehan untuk memberikan sumbangan kepada perancangan dan menyelaraskan hasil usaha kumpulan.

v Bertanggungjawab terhadap keputusan kumpulan. Pemilihan ini adalah berdasarkan melihat sejauhmana penglibatan pelajar dalam kokurikulum dan melihat sejauhmana pembangunan pelajar tersebut.

## 1.9 Batasan Kajian.

Penyelidik ingin mengenalpasti mengenai pembangunan kemahiran kerja berpasukan pelajar UTHM sepanjang menjalani latihan dalam kokurikulum sukan bola sepak.

i. Masa

Memandangkan masa yang diperuntukkan untuk membuat kajian ialah dua semester iaitu bersamaan dengan satu tahun. Tempoh ini sebenarnya tidak mencukupi untuk mengkaji dengan lebih mendalam terhadap pembentukan kemahiran berpasukan pelajar menerusi permainan bola sepak. Bagi mendapatkan data yang lebih mendalam, masa yang lebih lama diperlukan tambahan permainan ini menjalani latihan yang serius pada pertengahan tahun sahaja.

ii. Kewangan.

Kajian ini dijalankan di UTHM sahaja disebabkan jarak membataskan penyelidik untuk membuat kajian di IPTA yang lain di samping faktor kewangan penyelidik sebagai pelajar membataskan penyelidik untuk membuat kajian di kawasan yang lebih luas.

iii. Kefahaman responden terhadap soal selidik

Kefahaman responden terhadap soal selidik yang diedarkan juga adalah penting. Ini adalah kerana keadaan ini akan mempengaruhi maklumbalas yang akan diberikan oleh responden. Jika responden faham dengan item yang diberikan, maka maklumbalas yang diberikan adalah jawapan yang sepatutnya. Jika responden tidak faham dengan item, keadaan yang sebaliknya akan berlaku.

iv. Komitmen responden terhadap temu duga.

Ketepatan kajian ini banyak bergantung kepada komitmen responden yang di temu duga berdasarkan maklum balas kepada penyelidik semasa proses temu duga.

v. Kejujuran responden

Ketepatan kajian ini banyak bergantung kepada kejujuran dan keikhlasan para responden dalam menjawab soal selidik dan memberi komitmen dalam temuduga yang diberikan kepada mereka tanpa sebarang prejudis.

## 1.10 Definisi Istilah & Operasional

Terdapat beberapa istilah yang digunakan dalam penulisan ini yang memerlukan definisi. Ini kerana pengertian umum dengan pengertian dalam kajian ini mungkin berbeza. Istilah-Istilah tersebut adalah seperti berikut:

### 1.10.1 Pembangunan.

Thomas (2004) menjelaskan bahawa pembangunan melibatkan proses menyusun dan mengorientasi semula sistem ekonomi dan social. Ini bermakna bahawa pembangunan bukan sahaja melibatkan pertambahan kepada pendapatan dan pengeluaran, bahkan juga mengambil kira perubahan institusi social, struktur pentadbiran, pendapat umum, adat resam dan kepercayaan. .

### 1.10.1 Penerapan.

Ensiklopedia Global (2001) mendefinisikan penerapan sebagai perihal atau perbuatan menerapkan, mengenakan, menyerapkan dan mempraktikan dan sebagainya. Dalam konteks penyelidikan ini penerapan ialah sebagai perbuatan pelajar dalam menerapkan kemahiran berpasukan dalam kegiatan kokurikulum dan untuk melihat sejauh mana penguasaan kemahiran kerja berpasukan yang terdapat pada pelajar UTHM.

### 1.10.2 Kemahiran Kerja berpasukan .

Kerja berpasukan merujuk kepada sekumpulan pekerja dalam organisasi yang melaksanakan tugas secara berganding bahu antara satu sama lain dan sama-sama bergabung bagi mencapai matlamat kumpulan (Dora, Kudus &Hassan, 2008).

### 1.10.3 Kokurikulum

Akta Pendidikan 1996, Peraturan-Peraturan (Kokurikulum Kebangsaan) mendifinisikan kokurikulum seperti berikut:

"Kegiatan kokurikulum" ertinya apa-apa kegiatan yang dirancang lanjutan daripada proses pengajaran dan pembelajaran dalam bilik darjah yang memberikan pelajar peluang untuk menambah, mengukuh dan mengamalkan pengetahuan, kemahiran dan nilai yang dipelajari di bilik darjah."

Aktiviti kokurikulum adalah sebahagian daripada kurikulum sekolah, dan setiap murid harus melibatkan diri. Aktiviti ini boleh dijalankan di dalam dan di luar bilik darjah, mengikut kesesuaian sesuatu aktiviti. Dengan andaian bahawa pelajar-pelajar tidak mendapat pengalaman tertentu di bilik darjah, maka aktiviti kokurikulum dapat menyediakan pelbagai pengetahuan dan pengalaman untuk perkembangan mental, minat, bakat, jasmani, rohani dan pembentukan nilai-nilai estetika serta sosial yang positif.

### 1.10.4 Sukan Bola Sepak

Menurut Ensiklopidia Global (2001), Bola sepak ialah sukan yang paling popular di dunia. Ia adalah sukan kebangsaan bagi kebanyakan negara di Eropah dan di Amerika Latin dan bagi banyak negara yang lain. Sukan ini dikenali sebagai *football* di kebanyakan negara yang bertutur bahasa Inggeris. Dalam konteks kajian juga selalu dikenali sebagai *soccer*, iaitu namanya yang lebih popular dalam bahasa Inggeris.

## 1.11 Kerangka Konsep

Kerangka konsep kajian ini ialah untuk menjelaskan secara grafik atau dalam bentuk cerita tentang kaedah kajian yang bakal dikaji. Rajah 1.1 menunjukan kerangka konsep kajian yang ingin dilakukan.




Rajah 1.1:Kerangka Konsep adaptasi daripada George (2005) dan INTAN

Berdasarkan kerangka konsep dalam kajian ini, pemboleh ubah yang telah digunakan oleh penyelidik ialah pemboleh ubah bebas dan pemboleh ubah bersandar. Pemboleh ubah bebas yang dimaksudkan ialah sukan bola sepak manakala pemboleh ubah bersandar pula ialah elemen-elemen kemahiran kerja berpasukan yang ingin dikaji iaitu;

i TS1-Kebolehan untuk membina hubungan yang baik, berinteraksi dengan orang lain dan bekerja secara efektif bersama mereka untuk mencapai objektif yang sama.

ii TS2-Kebolehan untuk memahami dan mengambil bahagian peranan bersilih ganti antara ketua kumpulan dan ahli kumpulan.

iii TS3-Kebolehan untuk mengenal dan menghormati sikap, kelakuan dan kepercayaan orang lain.

iv TS4-Kebolehan untuk memberikan sumbangan kepada perancangan dan menyelaraskan hasil usaha kumpulan.

v TS5-Bertanggungjawab terhadap keputusan kumpulan.

## 1.12 Kerangka Teori

Kerangka teori seperti Rajah 1.2 merupakan asas kajian bagi penyelidik dalam melaksanakan kajian ini. Penyelidik mengadaptasi teori ini berdasarkan Teori Kolb (1984). Kolb menyifatkan konsep utama teori gaya pembelajaran Kolb (1984), adalah pembelajaran dianggap sebagai proses yang holistik dan tidak ada titik hujungnya. Proses pembelajaran menunjukkan dengan jelasnya cara-cara bagaimana pengetahuan diperolehi dan dicipta melalui interaksi seseorang itu dengan persekitarannya. Teori ini mengkategorikan pelajar kepada dua bentuk kecenderungan iaitu pertama; pengalaman konkrit, atau konseptualisasi abstrak iaitu cara seseorang pelajar mengaplikasikan informasi dan kedua pengkajian aktif atau pemerhatian reflektif iaitu bagaimana seseorang pelajar memahami informasi. Penyelidik mengaitkan teori ini dalam kemahiran kerja berpasukan iaitu pelajar belajar melalui pengalaman berkaitan dengan penerapan, kesedaran dan penguasaan kemahiran berpasukan menerusi kokurikulum bola sepak.

Teori ini dapat dijelaskan dalam bentuk satu kitaran (Rajah 1.2). Kolb menerangkan dimensi pertama pada paksi menegak ialah dimensi menerima maklumat atau hasil iaitu sama ada secara pengalaman konkrit iaitu dengan merasai atau konseptual abstrak iaitu secara berfikir pada paksi yang bertentangan. Pengalaman konkrit bermaksud pelajar memperoleh maklumat dengan pengalaman langsung sementara konseptual abstrak adalah secara pemahaman konsep manakala Bentuk persoalan yang bertepatan dengan pelajar ini ialah ‘bagaimana jika’. Para pelajar dalam pasukan ini gemar mengaplikasikan informasi-informasi atau maklumat-maklumat yang dipelajari ke dalam situasi baru seperti pelajar yang melibat diri dalam kokurikulum bola sepak mencari jalan dan idea untuk mengejar matlamat mereka menjaringkan gol.

Dimensi kedua ialah mengenai keupayaan memproses maklumat pemerhatian reflektif iaitu memerhati atau secara eksperimentasi aktif iaitu penyelidik akan mengenlapasti Pelajar memproses maklumat sama ada dengan refleksi secara sengaja atau secara melakukan sesuatu iaitu eksperimentasi aktif bentuk persoalan yang bertepatan dengan pelajar gaya ini ialah bermula dengan gaya 'bagaimana'. Mereka sentiasa memberikan kerjasama dan berusaha menyelesaikan setiap masalah yang dikemukakan kepada mereka . penyelidik mengaplikasikan teori ini berdasarkan kesesuaian objektif yang hendak dicapai dalam kajian penyelidik untuk melihat pembangunan kemahiran kerja berpasukan menerusi kokurikulum sukan bola sepak berdasarkan lima elemen kemahiran kerja berpasukan.




Rajah 1.2: Kerangka Teori adaptasi dan diubaisuai daripada Kolb (1984)

## 1.13 Rumusan

Dalam bab ini, perbincangan adalah meliputi pengenalan kajian, latar belakang masalah, penyataan masalah, objektif kajian, persoalan kajian, skop kajian, kepentingan kajian, kerangka teori dan kerangka konsep dan definisi istilah. Penyelidik dapati bahawa dalam bab ini adalah penyelidikan berkait dengan kokurikulum yang boleh membangunkan kemahiran kerja berpasukan dalam kalangan pelajar UTHM. Oleh itu, penyelidikan ini meneliti fenomena pembangunan kemahiran kerja berpasukan menerusi kokurikulum di UTHM untuk mengetahui sama ada kokurikulum sukan bola sepak dapat membantu atau tidak pembangunan kerja berpasukan iaitu salah satu dari elemen KI para pelajar.

# BAB 2

# KAJIAN LITERATUR

## 2.1 Pengenalan

Kajian literatur merupakan ulasan maklumat yangdiperoleh daripada jurnal, buku, dokumen, dan penyelidik-penyelidikan lepas untuk sesuatu penyelidikan baru. Secara amnya, pengendalian tinjauan literatur merupakan salah satu proses dalam penyelidikan untuk mengenalpasti sama ada sesuatu penyelidikan yang dirancang telah dilaksanakan oleh penyelidik lain (Idris,2011)

Dalam bab ini, penyelidik telah membincangkan mengenai kokurikulum, kemahiran kerja berpasukan, sejarah dan permainan bola sepak dengan lebih terperinci. Penyelidik juga membincangkan kajian-kajian lepas yang berkaitan dengan kemahiran kerja berpasukan dan sukan bola sepak.

## 2.2 Kokurikulum

Berlandaskan Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPN), kokurikulum merupakan salah satu usaha untuk melahirkan pelajar yang seimbang merangkumi aspek-aspek rohani, jasmani, emosi, intelek dan sosial. Ini merupakan satu cabaran yang perlu disahut oleh semua guru di Malaysia untuk melahirkan pelajar yang cemerlang dalam kurikulum dan juga kokurikulum (Laporan Jawatankuasa kabinet: Dasar Pelajaran 1979). Gilbert *et, al*. (2004) danAb. Manaf & Omar fauzee (2002) menyatakan bahawa kokurikulum merupakan pelengkap kepada kehendak dan kepentingan kurikulum serta aktiviti kokurikulum menyediakan peluang kepada pelajar untuk menambahkan, mengukur dan mengamalkan kemahiran, pengetahuan dan nilai-nilai murni yang dipelajari(Batz, Wittler & Wilde 2009; Wang & Shiveley 2007; Lawhorn 2008 dan Rubin, Bommer & Baldwin 2002).

